

SYARAT-SYARAT PENGANJUR BAZAR RAMADHAN MAJLIS BANDARAYA IPOH 2023

1. Tempoh penganjuran Bazar Ramadhan tahun 2023 bermula **23 Mac 2023 hingga 21 April 2023**.
2. Kadar bayaran yang maksimum yang boleh dikenakan kepada peniaga adalah sebanyak RM 750.00 sahaja. Kadar lesen adalah RM 50.00 / petak.
3. Pihak Penganjur perlu menjelaskan **DEPOSIT** sebelum 20 Mac 2023 sebanyak:
 - 3.1 RM 1,000.00 bagi 50 petak ke bawah
 - 3.2 RM 3,000.00 bagi 50 petak ke atas
4. Penganjur perlu mendapatkan insuran tanggungan awam minima sebanyak RM 500,000 sebelum operasi bermula.
5. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **DI LARANG** membantu / bekerja di tapak bazar Ramadhan.
6. Semua peniaga dikehendaki mendapatkan Lesen Bazar Ramadhan daripada Majlis.
7. Pelesen serta pembantu perlu mendapatkan :
 - 7.1 Suntikan Anti-typhoid
 - 7.2 Memiliki Sijil Kursus Pengendali Makanan
8. Semua Pengendali Makanan dikehendaki:
 - 8.1 Memakai apron, penutup kepala dan kasut
 - 8.2 Sarung tangan ketika mengendalikan makanan
 - 8.3 Pemakaian pelitup muka amat digalakkan
9. Tidak dibenarkan mengambil pekerja warganegara asing sebagai pembantu / pengendali gerai.
10. Memastikan aliran lalulintas di Kawasan tapak Bazar Ramadhan berjalan lancar dan tidak menimbulkan aduan daripada orang awam.
11. Membersihkan tapak Bazar Ramadhan pada setiap hari selepas selesai operasi perniagaan Bazar Ramadhan.
12. Pihak Penganjur hendaklah memastikan peniaga / pelesen menguruskan sampah yang terhasil dengan sempurna dan **TIDAK** membuang sampah / sisa makanan / sisa minuman ke dalam:
 - 12.1 Longkang awam / sungai
 - 12.2 Lokasi awam
 - 12.3 Pokok milik Majlis

13. Penganjur hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembersihan dan kebersihan tapak.
14. Menyediakan perkhidmatan RELA untuk kawalan keselamatan di pintu masuk, keluar dan lalulintas.
15. Menyediakan penghadang (barricade) di pintu masuk utama. Kawalan di pintu keluar dan kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi laluan keluar masuk sepanjang masa operasi.
16. Memastikan aliran pergerakan pengunjung adalah lancar dan tiada kesesakan orang ramai.
17. Tidak dibenarkan menjual durian longgok kecuali yang telah siap dipek, barangan keperluan harian, barangan am, pakaian dan selain dari makanan sedia dimakan (ready to eat food) dijual didalam kawasan Bazar Ramadhan.
18. Memastikan semua operasi perniagaan sepanjang masa berjalan lancar tanpa sebarang perkara yang tidak diingini berlaku dan tidak menimbulkan kacauganggu pada orang awam.
19. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku “sewa atas sewa” antara peniaga dan pihak penganjur.
20. Majlis akan **MENGAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA** sekiranya berlaku mana-mana pelanggaran di dalam syarat ini.
21. Majlis tidak akan terikat dengan mana-mana pihak di atas segala tuntutan jika berlaku sebarang kemalangan.
22. Pihak penganjur dan pelesen hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan terkini yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari masa ke semasa bagi menangani wabak Covid-19.
23. Majlis berhak untuk membatalkan kelulusan penganjuran tanpa sebarang pampasan sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat-syarat Penganjuran Bazar Ramadhan.

PERINGATAN PENTING:

Tindakan penutupan serta-merta operasi perniagaan ini akan diambil sekiranya pihak penganjur gagal untuk mematuhi mana-mana syarat Majlis dan arahan-arahan terkini Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Keputusan pihak Majlis Bandaraya Ipoh adalah muktamad.